



NCED 2005

National Conference on Electronic Design 2005

Satukan Pensyarah dan Jurutera Elektronik

Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah menganjurkan satu persidangan bertaraf kebangsaan iaitu *'National Conference on Electronic Design 2005' (NCED 2005)* dengan tema: *'Nation's Prosperity Through Electronics Design'* yang pertama di Malaysia pada 18-19 Mei 2005 lalu bertempat di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis.

Persidangan tersebut adalah satu forum yang mengumpulkan jurutera-jurutera yang mempunyai latar belakang serta pengalaman di dalam bidang elektronik untuk bertukar-tukar idea serta pandangan mengenai pelbagai isu dan persoalan bidang berkaitan. Hasil penyelidikan mereka itu mempunyai kaitan secara terus dengan rekaan elektronik iaitu dari segi rekaan Litar Kamir Bersepadu (*Integrated Circuit*) tahap rendah sehingga kepada rekaan antara muka (*interface design*) perisian (*software*) dan perkakasan (*hardware*) tahap tinggi, rekaan aplikasi khusus dan sistem integrasi elektronik.

Majlis yang telah dirasmikan oleh Dato' Prof. Dr. Hassan Said, Ketua Pengarah, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia itu bertujuan antara lain untuk meneroka dan merealisasikan pelbagai peluang ke arah penggunaan rekaan elektronik secara praktikal dan komersial. Ia juga bertindak sebagai penanda aras tahap keupayaan rekaan elektronik di negara ini selain menggalakkan pertukaran-pertukaran idea dalam mengeksploitasi keupayaan dan sumber-sumber bagi kebaikan negara secara bersama. Persidangan yang telah berjaya

menghimpunkan seramai lebih kurang 60 orang ahli akademik dari seluruh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan beberapa wakil dari Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta wakil industri itu telah memfokuskan kepada empat topik utama iaitu 'Rekaan Litar Kamir Bersepadu (*Integrated Circuit Design*)', 'Rekaan Papan Aras (*Board Level Design*)', 'Rekaan Sistem Tertanam (*Embedded System Design*)' dan 'Rekaan Antara Muka Perisian-Perkakasan (*Software-Hardware Interface Design*)'.

Persidangan yang buat julung-julung kalinya diadakan itu turut menjemput tetamu khas iaitu Prof. Madya Dr. James P. Davis dari *Department of Computer Science and Engineering, University of South Carolina, USA* yang menyampaikan ceramah bertajuk *'Designing Electronics and Computing Systems: The State of Practice and Future Trends'*. Beliau juga telah mengendalikan satu bengkel yang bertajuk *'How to Become An Expert Digital Systems Designer: Analysis, Architecture Exploration, Modeling and System Platforms'*.

Antara kertas kerja yang telah dibentangkan di persidangan itu ialah *'Digital Radio Broadcasting Frequency Hairpin'* oleh Ayob Haji Johari dan Teh Ghee Tean dari KUITTHO, *'Design and Testing of McMurray Inverter for Emergency Loads'* oleh Dimitri Denamany, Patrick Sebastian dan A B Sayuti M. Saman dari Universiti Teknologi Petronas (UTP), *'Design of Voltage Stabilization Circuit for Wind Power Generation'* oleh A. Marzuki, Tun Zainal Azni Zulkifli dan Basir Saibon dari AGILENT dan *'Recognition of Human Front Face in Grayscale'* oleh Prof. Madya Dr. Mohd Rizon dari KUKUM.

